

29/07/1999

PM akan lancar program khas bina rumah

IPOH, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan melancarkan program khas pembinaan rumah kos rendah di Taman Bercham Raya, di sini Selasa ini sempena lawatan kerjanya satu setengah hari ke Perak.

Pengerusi penyelarasan lawatan itu, Datuk Seri Junus Wahid, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian dan Pembangunan Usahawan negeri berkata, pelancaran program khas itu bermula jam 9 pagi dan dijangka dihadiri 5,000 orang.

Junus berkata, Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah jam 8.30 pagi pada Isnin ini.

Selepas itu, Dr Mahathir mengadakan perjumpaan dengan ahli Badan Perhubungan Umno Perak di kediaman Menteri Besar jam 9 pagi.

Pada jam 11 pagi, beliau mengadakan pertemuan tertutup dengan 1,500 pemimpin Umno bahagian, termasuk Pemuda dan Wanita di Dewan Bandaran Ipoh.

Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan 1,600 pemimpin BN di Dewan Bandaran Ipoh.

Beliau berkata, kira-kira jam 8.30 malam, Perdana Menteri akan menyampaikan amanat penting kepada lebih 50,000 rakyat pelbagai lapisan di Stadium Perak.

(END)